

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 9 DISEMBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1533-L12867

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan justifikasi Kementerian untuk mewajibkan pekerja warga asing menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan mengapakah dewan perniagaan dan persatuan industri tidak dirujuk berkenaan pelaksanaan tersebut.

2. PN-1533-L12530

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) apakah langkah Kerajaan dalam mempertimbangkan pelepasan cukai jualan bagi pembelian kenderaan yang digunakan sebagai alat bantuan mengajar oleh pengendali Institut Latihan Memandu; dan

(b) adakah pembangunan Pusat Latihan Memandu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibenarkan beroperasi di bangunan bertingkat atau dikurangkan luas kawasan Pusat Latihan Memandu seluas 5 ekar yang disyaratkan pada ketika ini bagi menangani isu tunggakan (backlog) permohonan untuk latihan memandu oleh orang ramai.

3. PN-1533-L12634

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah perkembangan terkini berhubung pemindahan teknologi identiti digital daripada syarikat multinasional Worldcoin ke negara ini susulan kenyataan media rasmi oleh mereka pada 16 Ogos 2024 yang lalu bahawa telah wujud satu usaha sama dan perjanjian dengan pihak MIMOS Berhad dan apakah faedah-faedah yang telah diperolehi daripada perkara ini kepada negara sehingga kini.

4. PN-1533-L13102

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah ciri-ciri seseorang individu boleh dikategorikan sebagai *Politically Exposed Person* (PEP) oleh Bank Negara, serta adakah terdapat proses semakan latar belakang khusus yang dilakukan untuk setiap individu dan sehingga kini, berapakah jumlah ahli politik dan aktivis yang telah disenaraikan sebagai PEP; dan
- (b) apakah peruntukan undang-undang berkenaan PEP, CCRIS & CTOS yang membolehkan institusi kewangan dan lain-lain badan berkaitan secara serius menggunakannya sebagai syarat utama perbankan.

5. PN-1533-L12887

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menguatkuasakan Undang-undang Kecil Iklan di tempat awam yang perlu mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan dan bahasa yang betul.

6. PN-1533-L13015

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi Kerajaan untuk menyelaraskan semula pengurusan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) susulan kewujudan kes kartel dalam pengagihan dan perbekalan kontrak baja padi yang jelas bertentangan dengan prinsip tatakelola yang baik.

7. PN-1533-L13081

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk merangka dasar bagi menangani masalah buli di tempat kerja, sama ada di sektor awam mahupun sektor swasta.

8. PN-1533-L12372

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah dasar atau pendekatan baru yang sedang dirancang oleh Kementerian untuk memperkukuhkan integrasi nasional dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Bagaimanakah Kementerian memastikan dasar ini relevan dan berkesan dalam menghadapi cabaran sosial dan budaya yang semakin kompleks.

9. PN-1533-L12444
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mempromosikan semula penanaman koko di negara ini memandangkan harga pasaran koko mencecah RM 30 ribu per tan dalam pasaran yang telah tersedia dan negara mengimport produk koko bernilai RM7.8 bilion setahun.
10. PN-1533-L12857
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) jumlah peruntukan dan perbelanjaan untuk pendidikan Orang Asli pada tahun 2023; dan
 - (b) jumlah pertambahan pelajar yang dihantar melanjutkan pelajaran ke luar negara.
11. PN-1533-L13035
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah anak tidak sah taraf di Malaysia pada masa kini, dan berapa jumlah daripadanya yang tidak memperoleh taraf kewarganegaraan.
12. PN-1533-L12699
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah reformasi ke atas perkhidmatan kesihatan yang sekian lama telah mengalami lebihan kapasiti dan masalah akses kepada khidmat kepakaran dari segi ketersediaan pakar dan mengambil tempoh masa yang lama untuk dirujuk kepada pakar.
13. PN-1533-L12721
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah pelan Kementerian bagi memperbanyakkan lagi jurusan dan bidang Sains Data, Kecerdasan Buatan (AI) dan Teknologi Hijau di institusi-institusi pendidikan tinggi sebagai satu usaha untuk menyiapkan anak-anak muda dengan industri yang dipacu masa depan (*future-driven industries*); dan
 - (b) apakah sasaran Kementerian dan sejauh manakah ia telah diusahakan dan dicapai.

14. PN-1533-L12849

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah Kod Sukan Selamat telah diterapkan sehingga ke akar umbi dan pencapaian lima objektif untuk Kod Sukan Selamat selepas lebih setahun melancarkan inisiatif ini. Adakah terdapat sebarang laporan diterima untuk lima jenis salah laku yang diketengahkan semenjak ia dilancarkan.

15. PN-1533-L12464

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Jalan Jiwa Murni dari Belaga ke Nanga Merit; dan
- (b) bilakah jambatan merentasi Sungai Rajang di kawasan Merit yang menghubungkan Daerah Merit dengan Daerah Kapit dapat dibina dan disiapkan.

16. PN-1533-L12606

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk memberi rawatan percuma kepada pesakit buah pinggang yang tidak mampu untuk mendapatkan rawatan dialisis; dan
- (b) adakah wujud perancangan dari Kementerian untuk membuka lebih banyak pusat dialisis terutamanya di kawasan pedalaman di seluruh negara.

17. PN-1533-L12960

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah Kementerian memastikan institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia mempunyai dasar dan prosedur yang jelas serta berkesan dalam menangani isu buli dan budaya *ragging* melampau berikutan insiden buli yang semakin serius.

18. PN-1533-L12496

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bagaimanakah Kerajaan dapat memastikan industri inap desa dapat beroperasi sah mengikut undang-undang dan memenuhi kualiti standard yang ditetapkan.

19. PN-1533-L12840
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini bagi projek pemasangan lampu isyarat di persimpangan ke Pekan Jakar, Sarikei di Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.
20. PN-1533-L12751
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk Program Jualan Rahmah di seluruh negara.
21. PN-1533-L12413
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah langkah kerjasama yang diadakan oleh Kementerian bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui *AI Talent Roadmap 2024-2033* bagi memastikan graduan mempunyai kelayakan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang kerjaya kecerdasan buatan (AI).
22. PN-1533-L12970
Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
- (a) apakah rasional di sebalik keputusan menghentikan penggunaan Kenderaan Gas Asli (NGV) mulai Julai tahun 2025 dan adakah terdapat bukti kajian yang menunjukkan kesan terhadap pengurangan karbon; dan
 - (b) apakah strategi holistik dan alternatif untuk bahan api mesra alam serta mekanisme bagi pemantauan sasaran karbon.
23. PN-1533-L12808
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah dan perancangan yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental serta kebajikan anggota polis sebagai langkah utama dalam pelaksanaan dasar keselamatan negara.
24. PN-1533-L12553
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan komitmen semasa Kementerian dalam memelihara kesejahteraan Orang Kurang Upaya (OKU) merangkumi pelbagai aspek dan apakah jaminan bahawa hak atau *rights-based* OKU ini akan diberikan tumpuan terutama seperti isu semasa membabitkan pemandu *e-hailing* yang ditumbuk polis pengiring baru-baru ini.

25. PN-1533-L12794
Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan peluang untuk dimanfaatkan oleh sektor elektrik dan elektronik khususnya sektor mikrochip dalam keadaan ketegangan geopolitik sekarang dan apakah impak yang bakal dapat dimanfaatkan oleh negara dengan kejayaan Donald Trump dalam memenangi pilihanraya Presiden Amerika Syarikat.
26. PN-1533-L12662
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah konkrit yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memastikan sumbangan perusahaan Bumiputera kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) meningkat daripada 8.1 peratus pada 2022 kepada 15 peratus menjelang 2035, selaras dengan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35).
27. PN-1533-L12454
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
- (a) jumlah pinjaman yang telah dimohon oleh pemohon-pemohon dari Sarawak; dan
 - (b) mekanisme pemantauan Kerajaan supaya pinjaman yang disediakan oleh Kerajaan berjaya digunakan mengikut bidang yang dimohon.
28. PN-1533-L12905
Senator Dato' Abdul Halim bin Suleiman minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian terhadap projek sakit pembinaan Kompleks Tabika (KOMTA) Taman Kota Masai, Tebrau, Johor.
29. PN-1533-L12816
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perincian statistik terkini pesakit denggi bagi setiap negeri dalam negara ini.
30. PN-1533-L12392
Senator Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022 (Akta A1648) dilaksanakan di institusi politeknik dan kolej komuniti.

31. PN-1533-L12979

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :-

- (a) justifikasi terhadap naratif yang mewujudkan persepsi negatif terhadap golongan T15 dalam konteks rasionalisasi subsidi sedangkan mereka tidak mengambil manfaat dari subsidi yang disediakan untuk golongan B40; dan
- (b) mengapakah golongan T15 dilabel sebagai 'musuh' dan 'Mahakaya' walaupun mereka adalah penyumbang terbesar kepada cukai pendapatan negara 'adakah ini mencerminkan keutamaan Kerajaan dalam menangani isu korupsi secara adil.

32. PN-1533-L13055

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam memastikan siasatan telus dilaksanakan terhadap isu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

33. PN-1533-L12694

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengurangkan konflik yang berlaku antara komuniti Orang Asal/Asli dengan syarikat pembalakan yang sering bertembung di kawasan hutan simpan; dan
- (b) adakah terdapat rancangan khusus daripada Kementerian untuk memperkenalkan teknologi satelit atau dron bagi memantau aktiviti pembalakan haram di kawasan pedalaman.

34. PN-1533-L12780

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan penjelasan terhadap situasi sebenar kekurangan jumlah edaran beras putih tempatan dalam pasaran serta apakah langkah tegas dan komitmen tinggi Kerajaan bagi mengatasi kesukaran yang dihadapi oleh rakyat untuk mendapatkan bekalan beras putih tempatan.

35. PN-1533-L12547
Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kini negara di peringkat antarabangsa dalam pembangunan *Central Bank Digital Currency* (CBDC) Ringgit Malaysia Digital dan apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Bank Negara untuk mempercepatkan peluncuran CBDC Ringgit Malaysia Digital tersebut.
36. PN-1533-L12355
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menaik taraf pos kawalan sempadan di Sarawak dan Sabah kerana pos kawalan sempadan amatlah penting untuk keselamatan negara ditambah pula dengan pergolakan geopolitik dunia ketika ini.
37. PN-1533-L12486
Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perbandingan pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) antara pelajar yang mengambil UPSR dan PT3 dengan pelajar yang melalui sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) serta bagaimanakah Kementerian menjustifikasi autonomi bagi sekolah-sekolah untuk melakukan Ujian Akhir Sesi Akademik sebagai penambahbaikan sistem PBS.
38. PN-1533-L12615
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha dan inisiatif Kerajaan untuk membantu membawa masuk pelaburan ke negeri Perlis dan nyatakan nilai pelaburan yang telah berjaya dibawa masuk.
39. PN-1533-L12935
Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperuntukkan lebih banyak dana bagi program keusahawanan dan pembangunan kemahiran yang menyasarkan kaum India terutamanya belia yang berdepan cabaran dalam mendapatkan pekerjaan tetap.
40. PN-1533-L12434
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam membangunkan infrastruktur seperti sistem pengairan, kemudahan penyimpanan, dan logistik bagi membantu petani dalam memastikan hasil tani tidak mengalami kerosakan.

41. PN-1533-L12539

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengembalikan semula keyakinan pelancong antarabangsa terhadap Malaysia sebagai negara destinasi pelancongan utama pasca pandemik, memandangkan berlakunya persaingan sengit di antara negara-negara Asia Timur Selatan termasuklah kewujudan produk pelancongan baru termasuk pelancongan kesihatan, pelancongan pendidikan, ekopelancongan berasaskan kelestarian, dan pelancongan budaya warisan.

42. PN-1533-L12563

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk sokongan yang disediakan oleh Kementerian kepada kanak-kanak yang diselamatkan dari rumah amal yang dikaitkan dengan *Global Ikhwan Services and Business Holding (GISBH)* termasuk perancangan jangka panjang dari aspek kebajikan perlindungan, tempat tinggal dan pendidikan.

43. PN-1533-L12519

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil Kerajaan Persekutuan bagi menyeragamkan undang-undang syariah di negeri-negeri yang telah lama menjadi isu dalam sistem kehakiman syariah di Malaysia sedangkan model bagi penyeragaman undang-undang syariah ini telah lama disediakan semenjak tahun 2003.

44. PN-1533-L12709

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian dalam mengekalkan tanah pertanian sawah padi bagi memastikan kelestarian tahap sara diri yang lebih terjamin.

45. PN-1533-L13027

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kerajaan sudah membuat kajian terperinci tentang penggunaan peralatan bagi rangkaian 5G di Malaysia terutamanya dari aspek kerahsiaan dan keselamatan negara.

46. PN-1533-L12990
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah peratus Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara yang telah melaksanakan perundingan komuniti setempat dalam menentukan keperluan asas mereka di komuniti masing-masing.
47. PN-1533-L12507
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan ancaman hidupan liar terhadap manusia yang telah menimbulkan ancaman kepada penduduk, menyebabkan kerugian serta kerosakan harta benda atau tanaman pertanian mereka dan adakah Kerajaan menyediakan pampasan atau bayaran ex-gratia kepada penduduk yang menjadi mangsa pencerobohan hidupan liar ini.
48. PN-1533-L13001
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi dan pelan tindakan Kerajaan dalam usaha meningkatkan jaminan bekalan makanan negara dan mengurangkan pengimportan makanan.
49. PN-1533-L12917
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah yang telah diambil untuk memperkasakan Pusat Manuskrip Melayu lama di Perpustakaan Negara Malaysia sebagai pusat penyelaras kajian intensif manuskrip Melayu lama, selain sebagai pusat repositori dan pendigitalan manuskrip Melayu lama.
50. PN-1533-L12626
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah terkini Kerajaan dalam usaha membantu membela nasib umat Islam di Palestin yang sudah lebih setahun dizalimi oleh rejim Zionis Israel yang secara berterusan melakukan genosid sekaligus melanggar segala undang-undang dan hak asasi manusia.
51. PN-1533-L12730
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan strategi jangka panjang yang dirangka oleh Kementerian bagi mengadaptasi ketidaktentuan cuaca ekstrem serta musim bencana terutamanya banjir besar.

52. PN-1533-L12897

Senator Datuk Seri Dr. Hajah Zurainah binti Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peserta yang telah menghadiri kursus kahwin dan bilangan penceraian yang telah berlaku dalam 5 tahun pertama perkahwinan sejak 5 tahun lepas. Apakah usaha Kerajaan untuk memastikan modul dan isi kandungan kursus perkahwinan adalah relevan dan berkesan.

53. PN-1533-L12574

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bagaimanakah pembaharuan memorandum persefahaman (MoU) yang telah dimeterai dengan negara India di New Delhi pada Ogos lalu dapat menghasilkan impak yang lebih positif kepada penawaran tenaga kerja asing yang optimum dalam sektor 3D (kotor, bahaya dan sukar) serta sektor-sektor lain di negara ini.

54. PN-1533-L12365

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perbezaan antara Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dengan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) yang baru diperkenalkan untuk pelaksanaannya.

55. PN-1533-L12771

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perincian terma rujukan dan gambaran sebenar mekanisme pengelasan pendapatan isi rumah di seluruh negara agar pelaksanaan subsidi petrol dan pemberian insentif subsidi bersasar kepada 85 peratus isi rumah lebih sempurna dan adil.

56. PN-1533-L12587

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status dapatan awal kajian terhadap penstabilan harga barangan dan perkhidmatan di Sarawak, Sabah dan Labuan dengan mengambil kira keadaan harga semasa.

57. PN-1533-L13092

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status penelitian dan kajian dalam meluluskan pembentukan Perbadanan Kemajuan Kelantan Utara (UTARA) demi kesejahteraan hidup rakyat dan kemajuan berterusan di kawasan negeri Kelantan Utara.

58. PN-1533-L12959

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani penyebaran isu-isu sensitif berkaitan agama dan kaum di media sosial yang sering menimbulkan ketegangan sosial bagi memastikan keharmonian dalam kalangan masyarakat terus terpelihara.

59. PN-1533-L13074

Senator Tuan Isaiah a/I D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) pendirian Kementerian tentang penubuhan Suruhanjaya Orang Kurang Upaya (OKU) sebagai satu badan bebas untuk menjamin hak OKU di Malaysia; dan
- (b) status pencapaian Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta langkah-langkah seterusnya yang akan diambil.

60. PN-1533-L12926

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bilakah dan bagaimanakah golongan miskin di negara ini akan terlepas dari himpitan kos sara hidup akibat kenaikan harga barang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.45/2024) Rang Undang-undang Perbekalan 2025 -
Menyambung semula Perbahasan atas masalah

(5 Disember 2024)

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Kedua

2. *(D.R.48/2024) Rang Undang-undang Kewangan 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama

3. *(D.R.49/2024) Rang Undang-undang Langkah-Langkah
Bagi Pemungutan, Pentadbiran dan
Penguatkuasaan Cukai 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama

4. *(D.R.50/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti
Perniagaan Labuan (Pindaan) (No.2) 2024

[Menteri Kewangan]

Bacaan Kali Pertama

5. *(D.R.43/2024) Rang Undang-undang Industri
Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

Bacaan Kali Pertama

6. *(D.R.19/2024) Rang Undang-undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
7. *(D.R.18/2024) Rang Undang-undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
8. *(D.R.20/2024) Rang Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]
9. *(D.R.44/2024) Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Pengangkutan]
10. *(D.R.46/2024) Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Pertama**
[Menteri Sumber Manusia]

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.